



Indeks Kos Sara Hidup Pelajar Kolej Komuniti Kuantan selepas Era Pandemik Covid-19

¹Nor Mohd Syamsi Abd Malek, ²Noor Rahimi Idiris, ³Zamrizal Zakaria

^{1,2,3} Program Teknologi Pembuatan, Kolej Komuniti Kuantan

e-mail: ¹nor_mohdsyamsi@kkkua.edu.my, ²noor_rahimi@kkkua.edu.my, ³zamrizal@kkkua.edu.my

Abstrak

Masyarakat di Malaysia sudah sedia tertekan dengan kesan pandemik Covid-19, dan kini perlu menghadapi satu lagi fenomena dan cabaran baharu iaitu berkaitan kenaikan kos sara hidup, ekonomi global yang tidak menentu dan kadar inflasi meningkat. Cabaran ini bukan sahaja dihadapi oleh ketua keluarga semata-mata, malah turut memberi kesan mendalam kepada para pelajar di IPT. Persoalan yang timbul adalah, mampukah mereka mengharungi situasi peningkatan kos sara hidup ini? Maka kajian ini dilaksanakan bagi melihat nisbah purata perbelanjaan bulanan berbanding purata pendapatan bulanan pelajar. Kolej Komuniti Kuantan dipilih sebagai pusat pengumpulan data sampel kajian. Kaedah yang digunakan adalah melalui pengedaran borang soal selidik secara rawak dan terpilih. Hasil dapatan kajian menggunakan perisian SPSS dan Microsoft Office Excel untuk keputusan yang lebih tepat dan jelas. Hasil dapatan data menunjukkan bahawa indeks kos sara hidup pelajar di Kolej Komuniti Kuantan ialah 0.82. Ini menggambarkan bahawa jumlah purata kewangan bulanan yang dimiliki pelajar masih mencukupi dan melebihi jumlah perbelanjaan bulanan yang diperlukan. Namun pelajar harus sentiasa beringat, kerana ekonomi dunia dijangka akan kekal tidak stabil dan kos barang akan terus meningkat saban tahun.

Kata Kunci— Kos Sara Hidup, Kolej Komuniti Kuantan, Sumber Kewangan Pelajar, Kos Perbelanjaan Pelajar, Indeks Kos Sara Hidup

Abstract

COVID-19 pandemic's impacts have already put Malaysian society under strain, and now it must deal with a brand-new phenomenon as well as problems related to increased living expenses, an unsteady global economy, and rising inflation rates. This difficulty affects the IPT students as well as the family's head of household in a significant way. The question that arises is, are they able to survive this situation of increased cost of living? Therefore, this study was conducted to determine the ratio of students' average monthly spending to their average monthly income. Kuantan Community College was selected as the data collection center for the study sample. The method used is the random and selective distribution of questionnaires. The results of the study used SPSS software and Microsoft Office Excel for more accurate and clear results. The results of the data show that the cost-of-living index for students at Kuantan Community College is 0.82. This illustrates that the average monthly financial amount that students have is still sufficient and exceeds the amount of monthly expenses required. But students should always be careful because the world economy is expected to remain unstable and the cost of goods will continue to increase every year.

Keywords— Cost Of Living; Kuantan Community College; Student Financial Resources; Cost Of Student Expenses; Cost Of Living Index

PENDAHULUAN

Cerita berkaitan kos sara hidup sedang menjadi perbualan hangat masyarakat pada masa kini tidak kira di bandar atau desa sama ada di Malaysia atau di negara Asia yang lain, malah diseluruh dunia menghadapi isu yang sama terutama selepas dunia dilanda serangan Pandemik Covid-19. Berbalik kepada asas istilah Dewan Bahasa, Kos Sara Hidup bermaksud nilai wang yang diperlukan untuk membeli barang keperluan asas seperti makanan, pakaian, tempat tinggal dan sebagainya untuk menikmati taraf hidup tertentu (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Maka boleh difahami bahawa Kos Sara Hidup membawa maksud jumlah kewangan yang diperlukan bagi menjalani fitrah kehidupan asas seorang manusia.

Sudah menjadi impian setiap ibu bapa untuk melihat anak-anak mereka belajar ke peringkat tertinggi tidak kira sama ada di universiti awam dan swasta, politeknik dan kolej komuniti atau dimana sahaja institusi tinggi yang lain. Kolej Komuniti menjadi salah satu hub pendidikan yang menawarkan keperluan latihan dan kemahiran kepada anak-anak muda lepasan sekolah untuk melanjutkan pengajian di peringkat sijil dan diploma. Kolej Komuniti Kuantan menjadi salah satu pilihan pelajar kerana kursus yang ditawarkan seperti Kulinari, Teknologi Elektrik dan Mekanikal Pembuatan memenuhi kehendak dan minat anak-anak muda untuk meneruskan pembelajaran selepas tamat persekolahan.

Masyarakat secara umumnya memahami pendidikan sememangnya memerlukan kos. Baik dari segi kos yurannya, kos peralatan dan kelengkapan belajar, kos sara hidup pelajar dan sebagainya. Malah hakikatnya, pelbagai lagi perkara yang perlu diambil kira dalam pengiraan kos sara hidup seorang pelajar. Dengan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi, pelajar perlu mencari, menambah atau meningkatkan sumber kewangan mereka sama ada melalui pemberian ibu bapa, pinjaman atau biasiswa yang disediakan oleh pihak-pihak tertentu atau melakukan ikhtiar sendiri seperti bekerja sambilan, berniaga dan lain-lain.

Kita sedia maklum kebanyakan pelajar di peringkat institut pengajian tinggi mendapat pembiayaan tajaan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Majlis Amanah Raya (MARA) atau pinjaman pendidikan daripada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Di Kolej Komuniti, selain sumber kewangan yang diberikan oleh ibubapa, pelajar yang layak juga boleh mendapatkan biasiswa/bantuan kewangan melalui Tabung Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKKPK), Yayasan Tenaga Nasional (YTN), Biasiswa/Pinjaman Yayasan Pendidikan Negeri dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang lain. Namun adakah jumlah yang diberikan mencukupi dan memadai dengan kos sara hidup sebenar yang perlu ditanggung oleh pelajar pada masa ini?

Oleh yang demikian, satu pasukan pengkaji terdiri daripada pensyarah Program Teknologi Pembuatan, Kolej Komuniti Kuantan telah menjalankan kajian bagi melihat (1) Sumber kewangan yang diperoleh oleh para pelajar semasa tempoh pembelajaran di kolej. Selain itu juga para pengkaji juga ingin (2) mengenalpasti jumlah kos sara hidup yang dibelanjakan oleh pelajar sepanjang berada di kampus dan (3) mengira indeks sara hidup pelajar di Kolej Komuniti Kuantan bagi menggambarkan nisbah kecukupan kewangan berbanding perbelanjaan.

KAJIAN LITERATUR

Pendapatan isi rumah jika dirujuk dalam Laporan Pendapatan Isi Rumah di Malaysia 2019 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2020 membawa maksud penerimaan, sama ada bersifat kewangan atau mata benda yang diperoleh secara berulang kali terima dan pasti terima sama ada secara mingguan, bulanan atau tahunan dan boleh digunakan untuk memenuhi keperluan semasa. Laporan juga menulis had pendapatan bagi kumpulan B40 pada tahun 2019 yang mewakili sebanyak 2.91 juta isi rumah adalah RM4,849, kumpulan M40 yang melibatkan 2.91 juta isi rumah pula adalah antara RM 4,850 hingga RM10,959 dan 1.46 juta isi rumah berada di kumpulan T20 dengan pendapatan melebihi RM10,960. Sumber-sumber kewangan atau pendapatan isi rumah di Malaysia dibahagikan kepada 4 punca utama iaitu pendapatan daripada hasil bekerja secara makan gaji, pendapatan bekerja sendiri, pendapatan daripada pemilikan harta dan pelaburan yang disertai, dan penerimaan daripada pindahan semasa.

Sepertimana yang kita sedia maklum, sumber utama pendapatan isi rumah adalah melalui punca yang dinyatakan di atas. Tetapi bagaimana pula dgn sumber kewangan atau pendapatan pelajar terutama diperingkat lepasan sekolah atau pendidikan tinggi? Menurut (Rubayah et al. 2018) yang melaksanakan kajian di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC), Shah Alam menyatakan, sumber pendapatan pelajar adalah daripada pelbagai punca seperti ibubapa, tajaan, bekerja sambilan, berniaga dan lain-lain. Namun sumber utama mereka adalah daripada pemberian ibu bapa dan tajaan pinjaman atau biasiswa daripada badan-badan tertentu. Dapatkan

ini selari dengan kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh (Siti Alida & Fatimah, 2018) yang menyatakan bahawa responden (pelajar) kebanyakannya mendapat lebih daripada satu sumber pendapatan di sepanjang tempoh pengajian. Selain pemberian ibu bapa dan tajaan, responden turut memperoleh sumber pendapatan daripada pusat zakat, harta pusaka atau pence, wang simpanan sendiri, dan kerja-kerja sambilan secara separuh masa atau semasa cuti semester.

Di Malaysia sendiri, masalah perkembangan ekonomi yang perlahan telah memberi kesan negatif kepada rakyatnya seperti kenaikan kadar inflasi yang cepat dan tinggi, kenaikan harga barang keperluan yang mendadak, hilang sumber pendapatan dan kesan–kesan yang lain lagi. Kenyataan ini disokong juga melalui kajian rintis yang dijalankan oleh (Zuriani I et al. 2022) yang mana mendapati pandemik telah memberi kesan yang besar ke atas punca pendapatan, taraf hidup dan kesejahteraan ekonomi terutama kepada golongan B40. Ini juga disokong dengan hasil dapatan data, yang mana kadar kemiskinan negara meningkat kepada 8.4% pada tahun 2020 berbanding 5.6% pada tahun 2019 iaitu tahun sebelum berlakunya pandemik. (Julizah Sabtu, 2014) Peningkatan kos sara hidup menjadi realiti yang perlu dihadapi oleh setiap rakyat di seluruh negara sama ada yang berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah. Ini mendorong mereka untuk mencari ikhtiar menghadapi cabaran dengan melakukan pelbagai perkara seperti berjimat cermat, rancang perbelanjaan, mencari sumber kewangan tambahan, membuat dua pekerjaan dan lain-lain lagi.

Sebagai seorang pelajar dan masih belum mempunyai sumber kewangan yang tetap, merancang dan mengawal perbelanjaan amat perlu dititik beratkan. Menurut laporan (Royal Bank Students Index, 2022) sebanyak 35% pelajar di universiti di sekitar United Kingdom menghadapi krisis kehabisan duit belanja sebelum tempoh semester berakhir. Laporan ini juga menyatakan peratusan dan peruntukan tertinggi dalam perbelanjaan bulanan pelajar adalah kepada makanan dan barang keperluan harian iaitu sebanyak £76.29 bersamaan RM 411.11. Dapatkan ini selari dengan hasil kajian yang pernah dilaksanakan oleh (Bukryman & Ashikin, 2017) beberapa tahun dahulu kepada pelajar UPM yang mana pelajar secara puratanya memperuntukkan peratus perbelanjaan yang paling besar bagi tujuan makan, minum dan keperluan harian.

Indeks Kos Sara Hidup pelajar boleh dijadikan salah satu penanda aras bagi melihat tahap kemampuan pelajar dalam berbelanja. Menurut (Rubayah et al. 2018) kajian yang dijalankan pada 2018 itu, memberikan gambaran yang positif dimana kewangan yang dimiliki oleh pelajar masih mencukupi untuk menampung perbelanjaan mereka. Laporan yang dikeluarkan oleh (Natwest, 2021) menyatakan indeks sara hidup pelajar di sekitar universiti-universiti di United Kingdom pada 2019 dan 2020 masih stabil, tetapi mengalami sedikit peningkatan sebanyak 7% pada tahun 2021 iaitu ketika era pandemik sedang memuncak di seluruh dunia. Namun begitu indeks kos sara hidup kembali menurun setelah era pandemik semakin berkurang pada tahun 2022 sepertimana yang dilaporkan dalam (Royal Bank Students Index 2022) iaitu sebanyak 22% berbanding bacaan indeks tahun 2021.

Secara rumusan melalui kajian-kajian terdahulu boleh dinyatakan bahawa, para pelajar pada hakikatnya masih mempunyai sumber kewangan yang cukup dan mampu untuk berbelanja bagi memenuhi keperluan harian mereka. Namun mereka perlu sentiasa diberi panduan dan pendidikan amalan pengurusan kewangan bagi menjamin kelangsungan hidup yang lebih baik dan terjamin.

METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian yang menggunakan kaedah kuantitatif melalui pengedaran helaian soal selidik kepada responden bagi tujuan mendapatkan data berdasarkan objektif kajian yang dibina. Reka bentuk soalan kajian dibina dan diolah berpandukan set soalan (Rubayah et al. 2018) agar bersesuaian dengan dapatan maklumat dan kehendak kepada permasalahan kajian. Responden kajian adalah terdiri daripada para pelajar Kolej Komuniti Kuantan yang sedang mengikuti pengajian peringkat sijil secara sepenuh masa dan berada di institusi. Para responden adalah pelajar-pelajar program yang terdapat di Kolej Komuniti Kuantan seperti Teknologi Pembuatan, Kulinari, Teknologi Senibina, Teknologi Elektrik dan Operasi Perhotelan. Pemilihan responden

adalah secara rawak dan terpilih mengikut keseimbangan program dan semester. Seramai 143 responden daripada 225 pelajar semasa yang aktif dan berada di kawasan kolej yang telah terlibat dalam proses kajian ini. Para pelajar yang sedang mengikuti Latihan Industri tidak terlibat dalam kajian ini.

Helaian Soal Selidik diedarkan kepada semua responen sepanjang bulan Oktober & November 2022 ketika proses PdP Sesi 1 2022/2023 sedang berlangsung. Helaian Soal Selidik terbahagi 3 bahagian (Bahagian A, Bahagian B & Bahagian C) dan merangkumi 20 item soalan yang perlu dipenuhi oleh responden.

Bahagian A: Bahagian ini mengandungi 6 item yang bertanyakan soalan berkaitan demografi pelajar dan keluarga.

Bahagian B: Bahagian ini mengandungi 3 item soalan terbuka, responden perlu mengisi mengikut kesesuaian sub-soalan yang ditanyakan berkaitan sumber kewangan yang diperolehi.

Bahagian C: Bahagian ini mengandungi 11 item kategori berbentuk terbuka yang memerlukan responden memperincikan jumlah perbelanjaan sebulan.

Hasil dapatan data di Bahagian B dan Bahagian C dapat menentu ukur Indeks Kos Sara Hidup pelajar melalui formula

$$\text{Indeks Kos Sara Hidup} = \frac{\text{Purata perbelanjaan bulanan}}{\text{Purata pendapatan bulanan}}$$

yang sepertimana diguna pakai oleh (Royal Bank Students Index, 2022) dan (Natwest, 2021).

Takrifan indeks sara hidup pelajar boleh diringkaskan seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1: Takrifan bacaan indeks kos sara hidup

Bacaan Indeks	Takrifan
< 1	Purata perbelanjaan kurang daripada pendapatan
= 1	Purata perbelanjaan sama dengan pendapatan
> 1	Purata perbelanjaan melebihi pendapatan

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berasaskan kepada borang soal selidik yang telah diedarkan secara rawak dan terpilih, seramai 143 pelajar Kolej Komuniti Kuantan secara sukarela telah bertindak sebagai responden dalam kajian ini dimana ianya terdiri daripada 79 pelajar lelaki (55.2%) dan 64 pelajar perempuan (44.8%). Manakala jika dipecahkan kepada program yang sedang diikuti oleh para responden pula, responden dari Program STS menduduki tempat paling tinggi iaitu seramai 47 responden (32.9%). Di dalam Jadual 2 juga diperlihatkan bilangan peratus semester para responden. Para responden daripada Semester 3 pengajian lebih ramai dipilih berbanding semester yang lain. Ini kerana pengkaji beranggapan bahawa pelajar di semester 3 lebih memahami, mengetahui dan berpengalaman dalam menentukan dan membuat anggaran kos perbelanjaan seperti mana yang diminta dalam borang soal selidik.

Berdasarkan kepada Jadual 3 yang dibina, boleh dilihat bahawa sektor pekerjaan bapa bagi sebahagian besar para responen secara keseluruhannya adalah didalam sektor awam dan swasta yang mewakili sebagai 53.8%. Ini menggambarkan majoriti mereka adalah yang mempunyai pendapatan yang tetap secara bulanan dan bekerja makan gaji.

Jadual 2: Taburan Profil Responden

Profil	Kategori	Frekuensi	Pecahan (%)
Jantina	Lelaki	79	55.2
	Perempuan	64	44.8
Semester	1	32	22.4
	2	26	18.2
	3	77	53.8
	4	8	5.6
Program	STS	47	32.9
	STE	31	21.7

SKU	27	18.9
SMN	23	16.1
SOP	15	10.5

Berbalik kepada objektif pertama kajian iaitu punca sumber kewangan pelajar, boleh dirujuk di dalam Jadual 4 yang mana dapat dilihat dengan jelas sumber kewangan pelajar adalah daripada pelbagai sumber samada pemberian ibubapa, bantuan kewangan, bekerja sambilan dan lain-lain lagi. Boleh dikatakan bahawa hampir 96% responden menerima wang saku/ perbelanjaan daripada ibubapa atau penjaga dengan jumlah purata RM300/ bulan dengan nilai minimum sebanyak RM50 dan nilai maksimum RM1,000. Hampir 15% responden memperoleh sumber kewangan dengan mengambil inisiatif sendiri seperti bekerja sambilan dan berniaga dengan hasil dapatan berjumlah minimum RM100/bulan dan maksimum RM1200/ bulan.

Merujuk kepada sumber penajaan pelajar pula, dapatan kajian menunjukkan 72% responden menerima bantuan/ biasiswa melalui Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKKPK) dan Yayasan Tenaga Nasional (YTN). Bantuan ini diberikan kepada semua pelajar kolej komuniti yang layak dimana jumlah pendapatan isirumah ibubapa atau penjaga adalah RM4,849 dan kebawah. Jumlah bantuan/ biasiswa yang diterima oleh responden adalah sebanyak RM450/ bulan (BKKPK) dan RM825/ bulan (YTN). Tiada responden yang menerima atau membuat pinjaman pendidikan sepanjang tempoh pengajian di kolej komuniti. Selain sumber kewangan daripada ibubapa, inisiatif diri dan bantuan kewangan, segelintir responden juga memperoleh sumber kewangan melalui pemberian ahli keluarga (24.5%), orang perseorangan (5%) dan pusat zakat (2%). Ini memberikan gambaran bahawa setiap responden mempunyai sumber pendapatan yang pelbagai dan bercampur. Secara keseluruhannya boleh dirumuskan bahawa, 83% responden memperoleh lebih daripada 1 sumber kewangan samada melalui pemberian ibubapa, bantuan/ biasiswa kewangan, bekerja sambilan dan lain-lain lagi. Kiraan purata pendapatan bulanan kewangan responden adalah sebanyak RM810.50 dengan nilai minimum sebanyak RM200 dan maksimum RM1730.

Jadual 3: Sektor Pekerjaan, Pendapatan Ibubapa & Isi Rumah

Kategori	Sektor Pekerjaan	Frekuensi	Pendapatan Bulanan (RM)	Frekuensi	Pendapatan Isi Rumah (RM)	Frekuensi
Bapa	Kerajaan	42	0 - 1500	77		
	Swasta	35	1501 - 3000	43		
	Bekerja Sendiri	37	3001 - 4999	11	0 - 4999	103
	Tidak Pasti	29	5000 & ke atas	12		
Ibu	Kerajaan	41	0 - 1500	100		
	Swasta	20	1501 - 3000	22		
	Bekerja Sendiri	20	3001 - 4999	15	5000 & ke atas	40
	Suri Rumah	62	5000 & ke atas	6		

Jadual 4: Sumber Kewangan Diperolehi Responden

Profil	Kategori	Frekuensi	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Sumber Pendapatan	Pemberian Ibubapa	137	50	1000
	Berniaga	3	100	1200
	Bekerja Sambilan	18	100	1200
	Agen	2	40	200
Sumber Penajaan	Lain-Lain (Hostel)	57	120	1280
	Biasiswa	103	450	825
	Pinjaman	0	0	0
Sumber Luar	Ahli Keluarga	35	20	280
	Individu	7	30	150

Zakat	3	150	500
JKM	0	0	0
NGO	0	0	0
Lain-Lain	0	0	0

Jadual 5 mempamerkan nilai purata perbelanjaan responden mengikut kategori di Kolej Komuniti Kuantan yang mana menjadi objektif kedua dalam kajian ini iaitu mengenalpasti jumlah kos sara hidup yang dibelanjakan oleh pelajar sepanjang berada di kampus. Boleh dinyatakan bahawa kategori Makan dan Minum adalah perkara yang wajib diperuntukkan oleh responden dalam berbelanja dan merupakan peratus yang tertinggi di dalam kos sara hidup mereka. Perihal ini adalah perkara yang lazim di kalangan pelajar walau dimana-mana institusi sekali pun. Selain makan dan minum, responden yang menetap di asrama/ hostel pula perlu menyediakan peruntukan yang agak besar bagi tujuan bayaran sewaan berbanding responden yang tinggal bersama ibubapa sepanjang tempoh pengajian. Rata-rata sewaan asrama/ hostel bagi seorang pelajar di sekitar Kolej Komuniti Kuantan adalah RM150 – RM180. Kategori Hiburan, Barang Penjaga & Kelengkapan Diri juga memberikan peratusan yang tinggi dalam perbelanjaan bulanan responden. Ini mungkin disebabkan faktor kedudukan kolej yang berhampiran kawasan bandar yang mana kemudahan seperti pasaraya besar, pusat-pusat hiburan, pusat membeli belah yang banyak dan mudah untuk dikunjungi.

Frekuensi kategori yang paling rendah dalam kos perbelanjaan responden adalah pada rawatan kesihatan. Ini berkemungkinan oleh faktor usia para responden yang masih muda dan terhindar dari sebarang penyakit yang memerlukan kos rawatan yang panjang dan berterusan. Jika dirujuk kepada Jadual 6, purata perbelanjaan bulanan kesemua responden bernilai RM94,725 berbanding jumlah purata kewangan yang diperoleh bulanan iaitu RM115,901, boleh dibuktikan bahawa indeks kos sara hidup responden Kolej Komuniti Kuantan adalah sebanyak 0.82. Nilai ini secara matematiknya memberikan gambaran bahawa sumber kewangan yang dimiliki oleh pelajar masih mencukupi untuk menampung kos perbelanjaan mereka.

Jadual 5: Pecahan perbelanjaan bulanan responden Kolej Komuniti Kuantan

Kategori	Jumlah Keseluruhan (RM)	Frekuensi	Purata (RM)	Minimum (RM)	Maksimum (RM)
Makan & Minum	39,717	143	278	40	800
Barang Penjagaan / Kebersihan Diri	5,835	118	49.45	10	200
Barang Kelengkapan Diri	5,070	89	56.97	10	200
Baju/seluar/kasut & etc)					
Sewa Asrama/Hostel/Rumah	16,190	98	165	50	200
Bil Utiliti (Elektri/Air/Internet & etc)	5,337	123	43.4	10	300
Peralatan PdP	2,859	122	23.43	5	100
Pengangkutan (Petrol/Tambang & etc)	6,321	87	72.66	10	350
Rawatan Kesihatan	885	23	38.48	2	200
Hiburan (Bersiar-siar/Wayang & etc)	7,385	122	60.53	10	300
Sukan / Riadah	1,938	67	28.93	8	60
Lain-Lain (Bahan mentah/Selenggara & etc)	2,020	42	48.1	20	270

Jadual 6: Jumlah Keseluruhan Pendapatan dan Perbelanjaan Responden

Profil	Nilai (RM)
Jumlah Pendapatan Keseluruhan	115,901
Jumlah Perbelanjaan Keseluruhan	94,725

Purata Pendapatan Bulanan	810.50
Purata Perbelanjaan Bulanan	662.41
Indeks =	$\frac{\text{Purata Perbelanjaan Bulanan}}{\text{Purata Pendapatan Bulanan}}$
	0.82

KESIMPULAN

Apa yang boleh disimpulkan didalam kajian ini melalui objektif yang telah dibina, didapati bahawa kebanyakkan pelajar memperoleh sumber kewangan dan pendapatan daripada pelbagai sumber. Kekerapan sumber kewangan yang tertinggi yang diperolehi oleh pelajar adalah daripada ibubapa mereka sendiri. Walaupun kebanyakkan mereka berlatar belakangkan keluarga dalam kategori B40, tetapi ibubapa masih sedaya upaya untuk memberikan wang saku bulanan dalam purata anggaran RM50-RM400. Selain pemberian ibu bapa, sebahagian besar pelajar juga menerima biasiswa/bantuan kewangan sekurang-kurangnya RM450/ bulan yang disediakan oleh pihak Jabatan kepada para pelajar yang lahir dari keluarga berpendapatan isi rumah sebanyak RM4,849 dan kebawah. Segelintir pelajar melakukan inisiatif sendiri untuk mendapatkan sumber kewangan tambahan seperti bekerja sambilan, dan berniaga. Ini secara tidak langsung membantu dalam menambah sumber kewangan mereka.

Dari segi perbelanjaan pula, kategori makan dan minum menjadi keutamaan dalam kos sara hidup pelajar terutama pelajar yang tinggal berasingan dengan ibubapa meraka. Selain itu, yuran hostel/ asrama juga memerlukan nilai peruntukan yang besar dalam perbelanjaan bulanan mereka dengan anggaran sekitar RM150-RM180 sebulan. Dua kategori itu merupakan fitrah dalam kehidupan seseorang insan yang mana memerlukan peruntukan kewangan setiap bulan. Selain makan minum dan tempat tinggal, kategori barang penjagaan kebersihan dan kelengkapan diri juga menjadi keutamaan yang diperuntukan oleh para pelajar dalam bajet perbelanjaan bulanan. Berbalik kepada cerita tahap kecukupan antara sumber kewangan berbanding perbelanjaan, boleh disimpulkan bahawa tahap kecukupan masih munasabah dan baik dengan merujuk indeks kos sara hidup pelajar di Kolej Komuniti Kuantan iaitu sebanyak 0.82.

Diharap melalui kajian ini, ianya menjadi salah satu sumber rujukan yang signifikan kepada semua pihak yang berkepentingan dan bertanggungjawab dalam menjaga amanah kebijakan para pelajar samada di Kolej Komuniti Kuantan itu sendiri atau pihak berwajib yang lain.

RUJUKAN

- Bukryman S. & Ashikin Z. (2017). Kos Sara Hidup Mahasiswa UPM. *Jurnal Pengguna Malaysia* – Disember 2017.
- Julizah Sabstu (2014). *Kenaikan Kos Sara Hidup, Kesan Kepada Rakyat*. Majalah DimensiKoop bil. 44/2014.
- Kamus Dewan, Edisi Keempat (2007). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas di Malaysia 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia, keluaran Julai 2020.
- National Westminster Bank (2021). Student Living Index – July 2021.
- Royal Bank of Scotland (2022). Student Living Index – August 2022.
- Rubayah Y., Amir A., Hafizuddin S. & Roziana B. (2018). *Indeks Sara Hidup Pelajar: Kajian Kes di Kolej Pendidikan Antarabangsa (INTEC)*. Jurnal Personalia Pelajar 21(1): 11-18.
- Siti A. & Fatimah W. (2018). *Memenuhi Keperluan Pelajar di Universiti Awam Malaysia: Aspek Pendapatan dan Perbelanjaan*. REKAYASA – Journal of ethics, legal and governance Vol.3, 2007 (50-60)

Zuriani I., Izzah N.A., Wan Kamal M. & Salmy Y. (2022). *Kajian Rintis Terhadap Impak Pandemik Covir- 19 ke Atas Taraf Hidup Isi Rumah B40*. Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance 4(2), 2022.